21/05/2003

(Perdana Menteri, Datuk Seri ... )

DENGKIL: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, Malaysia berpendapat penyelesaian menerusi perbincangan dan rundingan adalah cara terbaik bagi menangani sebarang masalah.

"Saya tidak mempunyai sebarang komen (mengenai Aceh), tetapi kita menentang keganasan," katanya pada sidang media selepas majlis pecah tanah Projek Bio Valley di sini, semalam.

Mengulas cadangan Australia untuk mewujudkan pangkalan di rantau Asean bagi memerangi keganasan, Dr Mahathir berkata: "Mereka boleh ke mana saja, tetapi bukan ke Malaysia. Mereka tidak dialu-alukan (ke Malaysia)."